

UMP jayakan misi bantu umat Islam Kemboja

Nik Sukry

Ramli

miksukry@bh.com.my

Kemboja



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menayakan 13 projek pembangunan tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi program 'We Love We Care' di Wilayah Kampong Cham, kira-kira 200 kilometer dari sini, hujung minggu lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata ia membabitkan kerja naik taraf jalan masuk ke masjid, asrama dan madrasah Al Nikmah Al Islamiah di kampung terabit.

Katanya, program itu juga meliputi usaha membuat kolah, pili dan tempat berwuduk, pemasa-

ngan lantai marmar di asrama dan madrasah, mengecat bangunan masjid, asrama serta dewan makan.

Beliau berkata, program itu sebagai tanda prihatin warga UMP membantu umat Islam di Kemboja bagi mendapatkan kemudahan asas yang lebih baik.

Serba kekurangan

"Kehidupan penduduk kampung terbabit yang serba kekurangan dan kemunduran kerana berada di pedalaman menyebabkan ketinggalan jauh daripada arus kemajuan," katanya ketika menutup program itu di Phnom Penh.

Daing Nasir berkata, program fasa pertama itu mendapat sokongan dan sumbangan daripada PERODUA, Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFAD), Kelab Puchong Bikers serta Jabatan

Pendaftaran UMP.

Katanya, program fasa pertama itu dilancarkan sejak dua bulan lalu dan selesai sepenuhnya minggu lalu membabitkan 40 pelajar serta alumni UMP, selain dibantu pelajar madrasah serta penduduk kampung.

Beliau berkata, program fasa kedua bakal dilaksanakan bagi menaik taraf infrastruktur madrasah dan asrama pelajar di Kampung Baik An Long, membabitkan anggaran kos yang sama iaitu kira-kira RM150,000.

"Selepas melihat sendiri keadaan madrasah kampung berkenaan, kami terpanggil untuk menambah baik beberapa infrastruktur di sana demi kesejahteraan pelajarinya.

"Kos yang dianggarkan adalah realistik berikutan kerja pembinaan akan dilakukan penduduk kampung sendiri dengan upah minimum," katanya.



Daing Nasir dan isteri, Datin Fazia Ali bersama pelajar dan alumni universiti berkenaan bergambar dengan pelajar Madrasah An Nikmah pada **Majlis Perasmian Penutup Misi kemanusiaan UMP-Kemboja** di Kampung Baik An Long, Wilayah Kampong Cham, Kemboja.